

UMS terima 535 pemohon program pascasiswazah

BP 13-2-2019 8

Oleh YAP SIONG HAN

KOTAKINABALU: Seramai 535 pelajar ditawarkan untuk mengikuti program pascasiswazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana

secara menyelidikan dan kerja kursus di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Semester 2, 2018/2019.

Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah Prof. Dr. Hajah Arsiah Hj Bahron berkata, sehingga 11 Februari

RAKAMAN kenangan pelajar baharu pascasiswazah UMS Semester 2, 2018/2019.

2019, seramai 305 pelajar telah berjaya mendaftar sejak pendaftaran dibuka pada 9 Februari lalu dan jumlah itu dijangka akan terus bertambah sehingga tarikh akhir pendaftaran pada 28 Februari depan.

“Antara yang sudah mendaftar ialah 88 calon pelajar PhD dan 112 pelajar ijazah sarjana bagi mod menyelidikan, 105 orang lagi adalah pelajar Pusat Luar UMS (PLUMS) yang mengikuti pengajian peringkat sarjana secara kerja kursus.

“Pendaftaran pada kali ini menyaksikan peningkatan pelajar antarabangsa iaitu seramai 35 orang merangkumi

pelajar dari negara China, Brunei, Indonesia dan Bangladesh,” katanya ketika ditemui pada sesi pendaftaran yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat Ke-2, di sini pada Selasa.

Beliau berkata, UMS akan sentiasa menyemarakkan usaha mempromosi pembelajaran sepanjang hayat menerusi program pascasiswazah yang ditawarkan.

Katanya, program-program yang ditawarkan di UMS boleh menjadi salah satu sandaran kepada mereka yang bekerja untuk meningkatkan kecemerlangan karier masing-masing.

“Initerbukti apabila terdapat kalangan alumni pascasiswazah UMS yang berjaya mendapat kedudukan jawatan yang lebih baik berbanding ketika sebelum mengikuti pengajian pascasiswazah sama ada di bidang kedoktoran mahu pun sarjana.

“Peningkatan pelajar antarabangsa dalam program kedoktoran juga adalah satu indikasi bahawa program doktor falsafah di UMS adalah kekal relevan dan diminati ramai,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Pusat Pengajian

Pascasiswazah Prof. Madya Dr. Fauziah Sulaiman turut melihat peningkatan pelajar antarabangsa dalam program PhD sebagai satu pengiktirafan daripada komuniti pelajar antarabangsa kepada sistem pengajian yang dilaksanakan oleh UMS.

“Penghargaan juga harus diberikan kepada pejabat Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global serta fakulti, pusat dan institut terlibat yang sentiasa berusaha mempromosi program pascasiswazah di UMS,” katanya.

Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar Pusat Pengajian Pascasiswazah, Dr. Azaze@Azizi Abdul Adis memaklumkan UMS turut menawarkan skim bantuan sebagai dana bagi meringankan beban kewangan pengajian.

“Terdapat beberapa syarat permohonan yang perlu dipenuhi oleh pelajar yang berminat dan ia adalah berdasarkan kepada peruntukan yang tersedia.

“Antaranya, ialah pelajar yang memohon terdiridari pada pelajar pascasiswazah sepenuh masa mod menyelidikan dan mampu memenuhi objektif utama skim tersebut iaitu menyelesaikan pengajian



ARSIAH (dua kanan) sedang melihat senarai pelajar yang sudah didaftarkan.

dalam tempoh masa yang ditetapkan,” katanya.

Sesi pendaftaran itu turut menyaksikan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Hj Mail yang meluangkan masa beramah mesra dengan para pelajar baharu.

Ketika ditemui beliau melahirkan rasa senang dan menyatakan pertemuan dan pergaulan dengan kalangan kumpulan pelajar yang matang ini sentiasa memberi pengalaman unik dan berharga.

“Saya boleh melihat mereka mempunyai sebab masing-masing yang memberi

kekuatan dan pendorong untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan PhD.

“Melihat kepada semangat yang ditunjukkan mereka, ia juga sangat memberi inspirasi kepada saya untuk memegang tanggungjawab dalam menggalas tugas yang diamanahkan,” katanya yang juga mantan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Hadir sama menyambut pelajar baharu ialah Pengarah PLUMS Prof Madya Dr. Stephen Laison Sondoh dan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Sirahim Abdullah.



RASID (kiri) turut hadir bertemu pelajar pada sesi pendaftaran.



SULAIMAN Pendaftaran pelajar pascasiswazah.